

Hubungan Sosial Masyarakat terhadap Orang Kurang Upaya di Malaysia

Social Relationship to The Disabled in Malaysia

Norsaadah bt Din @ Mohamad Nasirudin¹, Hasliza bt Talib², Siti Zaleha bt Ibrahim³
Sri Andayani Mahdi Yusuf⁴

Terima	Wasit	Muat Naik e-Jurnal
20 MAC 2019	20 APRIL 2019	23 JULAI 2019

ABSTRAK

Kajian ini merupakan tinjauan literatur mengenai hubungan sosial masyarakat terhadap golongan orang kurang upaya (OKU) di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu dengan mengedarkan soal selidik kepada 328 responden di Pusat Islam Kuala Lumpur, Yayasan Restu, Persatuan Orang Buta Malaysia dan Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi. Selain itu kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan semasa atau cross-sectional survey iaitu data dipungut sekali sahaja daripada satu sampel. Antara tinjauan literatur yang dijalankan dalam kajian ini adalah berkaitan sikap dan pengetahuan masyarakat terhadap OKU atau sebaliknya, OKU dalam dunia pekerjaan, penyediaan kemudahan OKU di Masjid, OKU dan Perundangan, OKU dalam Perkhidmatan & Kemudahan Awam dan akhir sekali OKU dalam Pendidikan. Rentetan dari kajian ini menunjukkan para ilmuwan di Malaysia mahupun di luar Malaysia semakin ramai menjalankan kajian berkaitan OKU kerana ingin memperkasakan hak asasi OKU agar mereka juga mendapat hak yang seadilnya sepertimana yang diterima oleh masyarakat normal.

Kata kunci: Keprihatinan, masyarakat, Orang Kurang Upaya.

ABSTRACT

This study is a literature review on the social relations of the Malaysian community towards the disabled (OKU) in Malaysia. The study applied quantitative approach distributing questionnaires to 328 respondents at the Kuala Lumpur Islamic Centre, Yayasan Restu, Malaysian Association for the Blind (MAB) and, Bangi Industrial Training and Rehabilitation Centre (PLPP). In addition, this study also employed current survey method or cross-sectional survey: the data was collected once from each sample. This study explored the attitude and knowledge of the Malaysian community towards the disabled or otherwise, the disabled employees in the workforce, the provision of facilities for the disabled in Malaysian mosques, the legal system related to the disabled, the disabled in the Malaysian public services and public utilities and, the disabled in education. The findings of the study suggest that scientists in Malaysia or outside are increasingly conducting studies related to the OKU because they want to empower the rights of the disabled, so that they also receive equal rights as normal people do.

Keywords: Concerns, Communities, Disabilities

¹ Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, KUIS. email : norsaadah@kuis.edu.my

² Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, KUIS email: hasliza@kuis.edu.my

³ Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras, KUIS .email: sitizaleha@kuis.edu.my

⁴ Pembantu Penyelidik, Calon PhD UKM

Commented [A1]: Jumlah ni sri semak semula sesuai di dalam monograf.

Nak Tanya,, dapatan kajian yg terdapat dalam paper ini berbentuk kualitatif ke? Kalau iya maka persampelan ni kurang tepat

PENDAHULUAN

Kajian ini secara khususnya membincangkan mengenai tinjauan literatur keprihatinan masyarakat terhadap golongan orang kurang upaya (OKU). Ia dibahagikan kepada beberapa pecahan iaitu metodologi kajian, dapatan kajian dan perbincangan. Seterusnya kajian ini diakhiri dengan kesimpulan.

LATAR BELAKANG GOLONGAN OKU

Di Malaysia, menurut Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 Orang Kurang Upaya (OKU) didefinisikan sebagai "*seseorang yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat*".

Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan sebahagian daripada ahli masyarakat. Mereka juga mempunyai kesaksamaan hak dan peluang untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Menurut Kamus Dewan (2005), cacat merupakan kekurangan atau keadaan kurang sempurna pada badan (benda, perbuatan, akhlak, batin), kecacatan perihai (keadaan, sifat) kurang sempurna, kekurangan atau keadaan yang menjejaskan sesuatu. Kehilangan upaya merupakan keadaan yang dianggap mengurangkan fungsi atau keupayaan seseorang jika dibandingkan dengan ukuran manusia biasa.

Kecacatan merupakan dugaan daripada Allah SWT kepada manusia untuk menunjukkan kekuasaan Allah SWT. Kecacatan yang dijadikan oleh Allah SWT adalah seperti kecacatan anggota badan, akal dan sebagainya (Daud, 1997). Bagi manusia bertakwa kecacatan seperti ini akan menjadikan manusia insaf, meningkatkan amal ibadah dan menjauhi segala laranganNya. Menurut Daud, (1997) terdapat dua jenis kecacatan iaitu kecacatan semula jadi dan kecacatan yang mendatang. Kecacatan semula jadi mempunyai pelbagai bentuk seperti tiada salah satu anggota badan sejak dilahirkan atau anggota badan yang tidak sempurna. Kecacatan mendatang pula ialah kecacatan akibat kemalangan atau selepas kelahiran sebagai manusia normal. Menurut Ismail et al., (2015), OKU boleh diklasifikasikan kepada empat kategori iaitu kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya anggota dan kurang upaya akal.

Seterusnya dalam konteks Malaysia menurut Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengklasifikasikan Orang Kurang Upaya (OKU) kepada tujuh kategori iaitu:

1. Kurang upaya pendengaran iaitu individu yang tidak dapat mendengar dengan jelas di kedua-dua belah telinga tanpa menggunakan alat bantuan pendengaran atau tidak dapat mendengar langsung walaupun dengan menggunakan alat bantuan pendengaran. Terdapat empat tahap yang boleh dikategorikan sebagai OKU pendengaran iaitu:
 - a) Minima (*Mild*) - (20 - < 30 dB) (untuk orang dewasa)
 - b) Sederhana (*Moderate*) - (30 - < 60 dB)
 - c) Teruk (*Severe*) - (60 - < 90 dB)
 - d) Sangat Teruk (*Profound*) - (> 90 dB)
2. Kurang upaya penglihatan iaitu individu yang tidak dapat melihat atau mengalami penglihatan terhad sama ada di sebelah atau di kedua-dua belah mata walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan seperti cermin mata atau kanta sentuh. OKU penglihatan terbahagi kepada dua iaitu:
 - a) Buta (*blind*) iaitu penglihatan kurang dari pada 3/60 pada mata yang lebih baik walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan atau medan penglihatan kurang daripada 10 darjah daripada fixation.
 - b) Penglihatan terhad (*low vision/ partially sighted*) iaitu penglihatan lebih teruk daripada 6/18 tetapi sama dengan atau lebih baik daripada 3/60 walaupun dengan menggunakan alat bantu penglihatan atau medan penglihatan kurang daripada 20 darjah daripada fixation.
3. Kurang upaya fizikal iaitu seseorang yang mengalami ketidakupayaan anggota badan sama ada kehilangan fungsi atau tidak mempunyai satu anggota di mana-mana bahagian anggota badan termasuklah keadaan anggota yang tidak sempurna yang mana keadaan ini menjejaskan keupayaannya. Kategori ini termasuklah kerdil, kudung tangan atau kaki atau keduanya, kudung ibu jari tangan, lumpuh, *spina bifida*, *muscular dystropy* dan *cerebral palsy*. Bagi kekurangan (*impairment*) yang tidak menjejaskan fungsi seperti kudung satu jari, mempunyai 6 jari atau lebih dan tidak ada atau kurang sempurna cuping telinga tidak dikategorikan sebagai kurang upaya fizikal.
4. Masalah pembelajaran iaitu seseorang yang mengalami masalah kecerdasan otak yang tidak selaras dengan usia biologikalnya. Mereka yang tergolong dalam kategori ini ialah lembam, *down syndrome*, kurang upaya intelektual, *autisme*, *Attention Deficit Hyperactive Disorder* (ADHD), masalah pembelajaran spesifik (*dyslexia*, *dyscalculia*, *dygraphia*) dan lewat perkembangan global (*global development delay*).
5. Kurang upaya pertuturan iaitu individu yang mengalami masalah pertuturan tetapi boleh mendengar.
6. Kurang upaya mental iaitu seseorang yang menghadapi penyakit mental yang teruk yang telah menjalani rawatan atau telah diberi diagnosis selama sekurang-kurangnya 2 tahun oleh Pakar Psikiatri. Akibat daripada penyakit yang dialami, mereka masih tidak berupaya untuk berfungsi sama ada sebahagian atau sepenuhnya dalam hal berkaitan dirinya atau perhubungan dalam masyarakat walaupun setelah menjalani rawatan psikiatri. Antara jenis-jenis penyakit mental tersebut ialah *skizofrenia*, *mood disorder* dan *organic mental disorder* yang serius dan kronik.
7. Kurang upaya pelbagai iaitu individu yang mengalami lebih daripada satu jenis ketidakupayaan dan secara umumnya tidak sesuai diklasifikasikan di bawah mana-

mana lima kategori lain yang sedia ada. Contohnya seseorang individu mengalami 2 jenis ketidakupayaan dari segi penglihatan dan pendengaran akan didaftarkan dalam kategori kurang upaya pelbagai.

Keadaan-keadaan ini menyebabkan golongan OKU mengalami kesulitan ketika berinteraksi dengan orang awam. Begitu juga ketika menggunakan kemudahan awam seperti semasa berada di institusi masjid. Golongan ini perlu dibantu dan disantuni bagi memudahkan urusan mereka dalam menunaikan tanggungjawab mereka sebagai Muslim.

Masyarakat perlu kerap diberi peringatan terhadap kehadiran golongan OKU ketika di masjid. Kesedaran ini perlu disampaikan melalui kutbah-khutbah Jumaat, kelas-kelas yang dianjurkan di masjid, media massa dan elektronik yang bertujuan agar mengambil berat dan peduli kepada keperluan golongan ini. Hasrat ini boleh diteruskan lagi oleh para cendekiawan dan ilmuwan dengan memperkaya penulisan melalui penyelidikan serta seminar tentang keperluan OKU dalam menjalani kehidupan mereka. Menurut pandangan Md. Tah, (2014), golongan OKU mudah didiskriminasi dan dianiayai oleh pelbagai pihak samada di dalam atau luar negara. Oleh itu, perlu kiranya masyarakat mengambil bahagian masing-masing untuk memberikan kemudahan, bantuan dan perlindungan kepada kelangsungan hidup golongan ini.

Objektif kajian ini adalah mengenal pasti persepsi masyarakat dan golongan OKU terhadap kemudahan yang disediakan, mengenal pasti bentuk-bentuk layanan yang diterima oleh golongan OKU, menghuraikan cara layanan kepada Orang Kurang Upaya (OKU) sebagaimana yang telah digariskan oleh al-Quran dan al-Hadith, mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh OKU.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan mengedarkan borang soal selidik ke atas 328 orang responden. Selain itu kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan semasa atau *cross-sectional survey* iaitu data dipungut sekali sahaja daripada satu sampel pada suatu masa (Creswel 2008). Pemerolehan data dapat dilakukan dengan cara yang lebih tepat dan sesuai dengan masa yang ditentukan oleh pengkaji (Creswell 2012). Kajian tinjauan sesuai dijalankan dalam kajian ini dengan bantuan soal selidik dan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Science Version (SPSS) 25.0*. Analisis yang digunakan ialah analisis inferensi iaitu korelasi bagi mengenal pasti hubungan di antara pemboleh ubah. Kajian ini telah diklasifikasikan oleh pengkaji sebagai satu kajian yang berbentuk deskriptif. Penyelidikan deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk menerangkan sesuatu fenomena yang sedang berlaku (Konting, 2005).

Kajian juga merupakan berbentuk kes iaitu sebahagian daripada penyelidikan deskriptif yang bersifat mendalam terhadap suatu fenomena yang dikaji (Merriam, 2001). Reka bentuk kajian ini juga disebut sebagai kajian pelbagai kes (*multiple case*) kerana melibatkan pelbagai tempat kajian.

Kajian ini dijalankan di Lembah Klang yang merangkumi Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Pemilihan ini berdasarkan kepada keperluan kajian kerana kedudukan lokasi penempatan pusat-pusat latih OKU banyak tertumpu di Lembah Klang seperti Persatuan Orang Pekak Islam

Commented [A2]: Jumlah ni kena tukar kalau data kajian ini berbentuk temu bual, Bahagian ini kena edit sedikit lagi.

Malaysia (PRISMA) di Puchong Selangor, Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) di Bangi dan sebagainya.

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini memberi fokus kepada layanan yang diterima oleh golongan orang kurang upaya khususnya di Malaysia. Dapatan kajian ini memberi beberapa bentuk layanan yang diterima oleh orang kurang upaya seperti berikut:

1. Persepsi Masyarakat Terhadap Golongan OKU

Kekurangan upaya bukan sahaja dilihat dari kesan kecacatan fizikal mahupun mental, sebaliknya adalah berpunca dari pada sikap dan persekitaran yang menghalang penyertaan penuh dan efektif mereka secara saksama di dalam masyarakat (Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu, 2008). Walhal, kebebasan hidup setiap individu telah dijamin oleh Allah SWT seperti kebebasan dalam berfikir, bersuara, bercakap dan sebagainya (Daud, 1997). Ini bertepatan dengan firman Allah SWT al-An'am/6 : 165 bermaksud:

Maksudnya: *“Dan Dialah yang menjadikan kamu penguasa-penguasa di bumi dan Dia meninggikan sebahagian kamu atas sebahagian (yang lain) beberapa darjat, untuk mengujimu tentang apa yang diberikan-Nya kepadamu. Sesungguhnya Tuhanmu amat cepat siksaan-Nya dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.”*

(Surah al-An'am: 6: 165)

Namun masih terdapat segelintir masyarakat memandang negatif terhadap golongan orang kurang upaya (OKU). Persepsi ini menyukarkan mereka untuk mengambil bahagian di dalam masyarakat (Toran et al., 2010). Perkara seperti ini tidak seharusnya berlaku dan masyarakat perlu sedar dan menerima mereka dengan memberikan bantuan dan perhatian yang sewajarnya.

Pengetahuan kepada golongan orang kurang upaya adalah penting bagi mengurangkan *stereotaip* yang negatif masyarakat mengenai OKU. Hal ini bersesuaian dengan pandangan yang menyatakan bahawa semakin banyak maklumat yang diperolehi oleh masyarakat terhadap OKU maka akan semakin positif sikap mereka terhadap OKU (Katz, Haz & Bailey, 1988). Sikap positif terhadap OKU membawa masyarakat untuk menerima golongan OKU secara baik. Penglibatan masyarakat dengan golongan OKU dalam sesebuah aktiviti dapat mengeratkan hubungan dan melahirkan sikap prihatin kepada golongan ini. Kekurangan pengetahuan dan sikap ambil peduli kepada golongan OKU menyukarkan kehidupan mereka untuk berjaya dalam kalangan masyarakat.

Apabila diberikan perhatian yang sewajarnya, OKU mampu beroleh kejayaan mereka sendiri. Seperti Albert Einstein seorang ahli sains yang pada awalnya mempunyai masalah pertuturan dan juga seorang pelajar yang lembab serta lambat memahami bahasa), Thomas Alva Edison merupakan seorang yang cacat pendengaran apabila diserang demam cacar ketika kecil), Tanni Grey-Thompson iaitu seorang atlet yang lumpuh bahagian kaki dan Stephen Hawking salah seorang OKU lumpuh hampir seluruh badan akibat sejenis penyakit neuron motor. Mereka telah berjaya membuktikan bahawa kekurangan bukan penghalang kepada kejayaan dalam kehidupan. Kejayaan ini hasil usaha gigih mereka daripada sokongan orang terdekat serta penerimaan dan perhatian masyarakat kepada golongan istimewa ini.

2. Bentuk keperihatinan masyarakat

i. Bantuan Yang Diterima

Di Malaysia, golongan kurang upaya (OKU) telah mendapat perhatian di mata masyarakat dan kerajaan. Dengan penubuhan sebuah kementerian khusus berperanan menjaga kebajikan golongan kurang upaya (OKU) iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat amat peka dan prihatin serta bersedia mendengar dan membantu golongan kurang upaya (OKU) supaya tidak disisih masyarakat. Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membuat pendaftaran kepada Orang Kurang Upaya (OKU) supaya mereka mendapat manfaat yang sewajarnya. Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) boleh dilakukan di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri dan Ibu pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.

Pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan menurut Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008, adalah bertujuan untuk:

- 1) Untuk mengetahui bilangan sebenar taburan OKU di negara ini
- 2) Untuk mengenal pasti bilangan OKU mengikut jenis- jenis kecatatan
- 3) Untuk merancang kesesuaian program-program latihan, pendidikan dan pemulihan bagi golongan kurang upaya
- 4) Untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang bertepatan dengan keperluan OKU
- 5) Warna Kad Kenal Diri OKU
 - a) Fizikal – Hijau
 - b) Pendengaran – Ungu
 - c) Penglihatan – Biru
 - d) Masalah Pembelajaran – Kuning
 - e) Cerebral Palsy (Spatik) - Merah Jambu
 - f) Lain - lain - Coklat / Oren

Kad kenal diri OKU ini untuk setiap OKU yang berdaftar bertujuan sebagai pengenalan diri serta memudahkan OKU mendapatkan perkhidmatan.

Setelah pendaftaran dilakukan, terdapat pelbagai kemudahan dan keistimewaan yang diberikan untuk Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia yang menurut Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 iaitu:

- 1) Kemudahan pendidikan
 - a) Elaun RM150 sebulan bagi pelajar sekolah rendah dan menengah
 - b) Elaun RM300 bagi pelajar IPT
 - c) Pengecualian bayaran pendaftaran pelajar pekak bagi latihan kemahiran kementerian pelajaran
 - d) OUM ; Potongan 75% yuran pengajian
- 2) Pengecualian bayaran rawatan perubatan di Hospital Kerajaan
 - a) Bayaran wad Kelas 3
 - b) Bayaran pakar
 - c) Bayaran ubat
- 3) Pelepasan cukai pendapatan
 - a) Pelepasan cukai sebanyak RM5000 kepada pembayar cukai yang mempunyai anak OKU

- b) Pelepasan cukai tambahan RM6000 kepada OKU dan RM3500 kepada pasangan yang OKU
 - c) Pelepasan cukai sehingga RM5000 bagi membeli alat-alat khas OKU
 - d) Pelepasan cukai tambahan RM4000 untuk anak OKU yang mengikuti kursus di Institut Pengajian Tinggi (IPT)
- 4) Pengecualian cukai jalan dengan syarat;
- a) Kereta, van dan motosikal nasional sahaja
 - b) Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat
 - c) Pengecualian kepada pemohon sahaja
 - d) Sebuah kenderaan dalam satu masa
 - e) Memiliki lesen memandu yang sah
- 5) Kemudahan pengangkutan iaitu tambang konsesi 50% - KTMB, Transnasiona, Rapid KL, Penerbangan Malaysia (MAS)
- 6) Pengecualian bayaran untuk dokumen perjalanan dan kad pengenalan
- 7) Pengecualian duti import dan cukai jualan bagi semua peralatan yang direka khas untuk kegunaan OKU seperti kerusi roda, alat pendengaran dan sebagainya
- 8) Jagaan dan pemulihan di institusi seperti:
- a) Taman Didikan Kanak-kanak Kurang Upaya (TDKKU) di Sembulan, Tawau dan Sandakan di Sabah
 - b) Kompleks Pemulihan Orang Kurang Upaya Kimanis (KPIKU), Pusat Khidmat Kanak-kanak Kurang Upaya dan Pusat Latihan Vokasional OKU.
- 9) Telekomunikasi (Telekom Berhad) iaitu:
- a) Bayaran sewa bulanan dikecualikan
 - b) Panggilan menunggu atau indaan secara percuma
 - c) Panggilan 103 operator tidak dikenakan caj
- 10) Kemudahan asas seperti:
- a) Kemudahan tandas yang bersesuaian untuk kegunaan mereka
 - b) Tempat duduk khas yang ditawarkan di pengangkutan awam seperti bas dan kereta api.

ii. Hak untuk Mendapatkan Keperluan Asas

Dalam bidang perundangan, golongan OKU mempunyai hak asasi manusia yang sama seperti mana manusia lain. Aduan dan isu-isu berkaitan OKU terus dibawa kepada perhatian Suruhanjaya. Ini termasuk pendaftaran OKU, sistem pendidikan, akses kepada kemudahan, perkhidmatan dan bangunan awam, kemudahan pengangkutan awam, peluang pekerjaan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan (SUHAKAM 2018).

Keperluan asas (*Daruriyyah*) yang melibatkan pemeliharaan lima perkara iaitu agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta. Kesemua kepentingan ini dapat dianggap sebagai keperluan asasi yang amat diperlukan oleh setiap manusia, di dalam kehidupan bermasyarakat. Seandainya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi, kehidupan manusia sudah tiada ertinya lagi. (Abdul Rahim, Ismail & Awang, 2006). Sebarang perkara dan tindakan yang

mencabul kelima-lima perkara ini akan dianggap sebagai *mafsadah*. Golongan OKU juga merupakan anggota masyarakat yang layak untuk hidup serta mendapat perlindungan dan layanan yang sewajarnya daripada masyarakat. Penjagaan setiap nyawa manusia turut dinyatakan di dalam al-Quran bermaksud:

Maksudnya: “*Barang siapa yang membunuh seorang manusia, bukan kerana perang itu (membunuh) orang lain atau bukan kerana membuat kerosakan di muka bumi, maka seakan-akan dia telah membunuh manusia seluruhnya.*”

(Surah al-Maidah: 32)

iii. Hak untuk di Hormati (Hak Bersuara, Diraikan dan Tidak Diejek)

Perundangan juga mengutamakan pemeliharaan kehormatan dan maruah individu (Daud, 1997). Seperti melarang manusia membuat fitnah, mengumpat, mengejek, memperlakukan 'aib orang lain dan sebagainya. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah SWT:

Maksudnya: “*Hai orang-orang yang beriman, janganlah suatu kaum memperolok-olokkan kaum yang lain (kerana) boleh jadi mereka yang diolok-olokkan lebih baik dari mereka (yang memperolok-olokkan) dan jangan pula wanita-wanita (memperolok-olokkan) wanita-wanita yang lain (kerana) boleh jadi wanita-wanita (yang diperolok-olokkan) lebih baik daripada wanita-wanita (yang memperolok-olokkan) dan janganlah kamu mencera dirimu sendiri dan janganlah kamu panggil memanggil dengan gelaran-gelaran yang buruk. Seburuk-buruk panggilan ialah (panggilan) yang buruk sesudah iman dan barang siapa yang tidak bertaubat, maka mereka itulah orang yang zalim. Hai orang yang beriman, jauhilah kebanyakan dari prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Sukakah salah seorang di antara kamu memakan daging saudaranya yang sudah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik kepadanya. Bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.*”

(Surah al-Hujurat: 11-12)

Manakala Sabda Nabi SAW

وَلَا تَخْتَرَنَّ مَنَافِقًا مِّنَ الْمُعْرُوفِ وَأَنْ تُكَلِّمَ أَخَاكَ وَأَنْتَ مُنْبَسِطٌ إِلَيْهِ وَجْهًا إِنَّ ذَلِكَ مِنَ الْمَعْرُوفِ وَارْفَعِ إِزَارَكَ
إِلَى نَصْفِ السَّاقِ فَإِنْ أَبَيْتَ فِإِلَى الْكَعْبَيْنِ وَإِيَّاكَ وَإِسْبَالَ الْإِزَارِ فَإِنَّهَا مِنَ الْمَجْحِلَةِ وَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمَجْحِلَةَ
وَإِنْ امْرُؤٌ شَتَمَكَ وَعَتَرَكَ بِمَا يَعْلَمُ فِيكَ فَلَا تُعَيِّرْهُ بِمَا تَعْلَمُ فِيهِ فَإِنَّمَا وَتَأَلَّ ذَلِكَ عَلَيْهِ

Maksudnya: “*Janganlah meremehkan kebaikan sedikit pun walau dengan berbicara kepada saudaramu dengan wajah yang tersenyum kepadanya. Amalan tersebut adalah sebahagian dari kebajikan.*

(Riwayat Abu Daud no. 4084 dan Tirmidzi no. 2722)

3. Hak untuk Beribadah

Allah SWT telah mewajibkan pelaksanaan ibadah kepada setiap orang Islam yang mukalaf. Mukalaf ialah individu yang dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk melaksanakan segala perintahNya. Tanggungjawab seorang mukalaf apabila dia telah memenuhi syarat

yang ditetapkan. Mukalaf tersebut mestilah mampu memahami dalil *taklif* (Al-Zuhayli, Wahbah 2004), iaitu nas al-Quran atau al-Sunnah supaya dengan kefahaman tersebut mereka boleh mengamalkan apa yang diperintahkan dan ia boleh menjadi hujah kepada manusia (Al-Khudhari 2001).

Dalam Hassan (t.th) menyatakan seseorang yang telah mencapai kelayakan untuk taklif kadang kala kehilangan semua kelayakan atau sebahagiannya apabila terdapat halangan yang boleh menjejaskan kelayakannya. Halangan-halangan tersebut dikenali sebagai halangan kelayakan (*al-awarid al-ahliyyah*) dan boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- i. Halangan Semula Jadi (*al-awarid al-samawiyyah*)
- ii. Halangan Mendatang (*al-awarid al-muktasabah*)

Halangan-halangan semula jadi (*al-awarid al-samawiyyah*) bermaksud halangan-halangan yang berlaku secara semulajadi dan ia terjadi di luar kemampuan manusia. Antara yang termasuk dalam kategori halangan-halangan ini ialah gila sejak lahir atau kerana keturunan, terencat akal sejak lahir, lupa, tidur dan pengsan, sakit serta mati. Manakala halangan mendatang (*al-awarid al-muktasabah*) pula merujuk kepada kesalahan yang baru terjadi pada manusia dan bukan secara semulajadi. Halangan jenis ini pula boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu halangan yang berlaku disebabkan oleh diri mereka sendiri seperti jahil, bodoh dan mabuk. Antara contoh terdekat ialah individu yang memilih untuk tidak mematuhi lampu isyarat ketika memandu hingga terlibat dalam kemalangan. Ia merupakan natijah kepada keputusan mereka untuk tidak mengikut peraturan yang ditetapkan hingga menyebabkan kemalangan terjadi. Manakala kategori kedua pula adalah halangan yang terjadi kerana orang lain iaitu paksaan (Syams al-Din Muhammad (1967)).

Mamat (2006) menyatakan antara resolusi yang dicapai dalam Seminar Keperluan Warga Pekak Islam anjuran MFD turut menggariskan beberapa keperluan orang pekak Islam untuk panduan warga pekak dan para pendakwah antaranya ialah:

1. Orang pekak Islam wajib memahami agama, mempertingkatkan akidah serta mempelajari hukum.
2. Orang pekak Islam wajib menunaikan solat, justeru mereka wajib diajar.
3. Solat orang pekak adalah mengikut keperluan.
4. Orang pekak tidak boleh mengimamkan orang bukan pekak dalam mengerjakan solat tetapi boleh menjadi imam untuk solat dikalangan mereka.
5. Isyarat di dalam solat bagi orang pekak tidak membatalkannya.
6. Buku panduan mengenai penghayatan Islam perlu diterbitkan khas untuk rujukan warga pekak.
7. Penggunaan bahasa isyarat yang seragam memudahkan komunikasi dengan warga pekak perlu dikemaskini dalam proses penyampaian maklumat termasuk pendidikan Islam.
8. Khidmat kaunselor kekeluargaan perlu diwujudkan.
9. Menyampaikan dakwah merupakan fardhu ain atau fardhu kifayah bagi warga pekak.

Golongan OKU khususnya orang pekak, buta dan masalah fizikal dikira seperti orang normal lainnya yang juga mempunyai tanggungjawab seperti solat fardhu, solat jumaat, berpuasa, dan sebagainya. Oleh kerana orang pekak ditaklifkan sebagai orang normal maka mereka perlu disampaikan dakwah kepada mereka agar mereka dapat melaksanakan ibadah. Kewajipan solat ini bertepatan dengan hadis Rasulullah SAW bermaksud:

Maksudnya: “Sembahyang lima waktu itu telah diwajibkan Allah ke atas hambaNya, maka sesiapa melaksanakannya, sedangkan dia tidak pernah mensia-siakan daripadanya sesuatu pun kerana meringankan kewajiban itu, nescaya baginya di sisi Allah suatu perjanjian untuk memasukkannya ke syurga. Dan sesiapa yang tidak melaksanakannya maka tidak ada baginya di sisi Allah suatu perjanjian. Jika Dia mahu, di azabnya, dan jika Dia mahu, di masukkannya ke syurga.”

(Abu Daud, sohih 1420, Nasa’i, sohih :461, Malik & Ibnu Hibban)

Dari pada Ibn Hajar al-‘Asqalani (t.th) menyatakan Rasulullah SAW bersabda bermaksud:

Maksudnya: “Hendaklah engkau permudahkan dan janganlah memayahkan”.
(Riwayat Muslim: no 1560)

Konsep ini berdasarkan ayat al-Quran dalam Surah al-Maidah ayat 6 bermaksud:
Maksudnya: “...Allah tidak mahu menjadikan kamu menanggung sesuatu kesusahan ...”

(Surah al-Maidah: 6)

Firman Allah SWT lagi:

Maksudnya: “...Allah menghendaki kemudahan bagi kamu dan tidak menghendaki kesukaran bagi kamu...”

(Surah al-Baqarah 2: 185)

Dari keterangan ayat di atas menunjukkan bahawa pada asasnya agama mudah bagi setiap orang yang beribadat kepadaNya. Kemudahan ini juga untuk memudahkan ibadah yang boleh dilaksanakan oleh golongan OKU seperti pekak, buta dan masalah fizikal. Kemudahan ini mengikut kepada kemampuan mereka tanpa menyusahkan mereka untuk melaksanakan ibadah di luar kemampuan mereka.

Dari pada Ibn Abbas, Rasulullah SAW bersabda:

أَحَبُّ الدِّينِ إِلَى اللَّهِ أَحْيَيْهِ السَّمْحَةُ

Maksudnya: “Agama yang paling dicintai Allah ialah agama yang paling benar dan bertimbang rasa”.

(Riwayat al-Bukhari: no 35)

Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Hak Orang Kurang Upaya (*United Nations Convention on the Rights of Persons with Disabilities*) telah diiktiraf oleh Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk kali pertamanya pada tahun 2006. Md. Tah, (2014) menyatakan konvensyen ini merupakan perjanjian hak asasi antarabangsa yang pertama pada abad ke-21 dan menerima sambutan menggalakkan daripada ahli PBB. Malaysia telah menandatangani konvensyen ini pada tahun 2008 dan meratifikasi pada tahun 2010. Sebagai ahli, Malaysia telah menunjukkan komitmen antarabangsa melalui pelaksanaan undang-undang baru melindungi hak OKU menerusi Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Bagi meningkatkan kecapaian golongan OKU di bangunan-bangunan, Ismail et al., (2015) menyatakan Majlis Kebangsaan bagi OKU telah menganjurkan seminar kecapaian kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) semua negeri dan menyediakan indeks rekaan sejagat untuk para arkitek (Rohani, 2010). Hal ini bertujuan untuk menyelaraskan dan memastikan setiap bangunan yang hendak dibina perlu mengikuti garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak perancangan desa dan bandar supaya membina bangunan yang lebih mesra OKU. Dalam mencapai status negara maju pada tahun 2020, pembangunan pesat di Malaysia perlu memberi tumpuan dalam pembangunan prasarana OKU demi kesejahteraan sosial sebuah masyarakat yang penyayang (Asiah & Nur Amirah, 2010).

iv. Hak untuk Mendapat Pekerjaan

Pekerjaan merupakan salah satu elemen penting dalam pembangunan sesebuah negara yang menjurus kepada pembangunan sosio-ekonomi, bahkan menjadi salah satu kriteria bagi sebuah negara maju mencapai status negara berpendapatan tinggi yang sememangnya berkaitan dengan kerja.

Komuniti OKU juga tidak terkecuali daripada meletakkan pekerjaan sebagai aspek penting dalam kehidupan harian, malah dinyatakan secara jelas dalam Konvensyen Hak OKU (CRPD) yang meletakkan akses pada pekerjaan sebagai agenda utama dalam pembangunan golongan tersebut.

Selain itu, Rancangan Malaysia Ke-11 juga mengumumkan tempat sebanyak satu peratus dalam setiap organisasi khusus untuk golongan OKU bekerja dalam sektor awam.

KESIMPULAN

Walaupun al-Quran tidak banyak menekankan mengenai kecacatan fizikal, kerana Allah lebih melihat kepada siapakah yang lebih baik amalannya tanpa ada diskriminasi dari sudut luaran. Namun, pengetahuan kepada golongan orang kurang upaya adalah penting bagi mengurangkan *stereotaip* yang negatif masyarakat mengenai OKU. Hal ini bersesuaian dengan pandangan yang menyatakan bahawa semakin banyak maklumat yang diperolehi oleh masyarakat terhadap OKU maka akan semakin positif sikap mereka terhadap OKU (Katz, Haz & Bailey, 1988). Sikap positif terhadap OKU membawa masyarakat untuk menerima golongan OKU secara baik. Penglibatan masyarakat dengan golongan OKU dalam sesebuah aktiviti dapat mengeratkan hubungan dan melahirkan sikap keprihatinan terhadap golongan ini.

RUJUKAN

Al-Quran Al-Karim. *Pimpinan ar-Rahman*

Abdul Rahim, R. A., Ismail, P & Awang, I. 2006. Pendekatan Baru Maqasid al-Shariah dalam Pengajian Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Jurnal Fiqh*, 35-80.

Al-Khudhari, M. (2001), *Usul al-Fiqh*. Kaherah: Dār al-Hadith, h. 88.

Al-Zuhāyly, Wahbah. 2004. *Usul al-Fiqh al-Islāmi*, j. 1, c. 2. Damsyik: Dār al-Fikr, h. 158.

- Creswel, J.W. 2008. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approach*. Edisi ke-3. New Jersey: Person Education Ins.
- Creswell, J.W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi ke-4. Bostan, MA: Pearson Education, Inc.
- Daud, M. 1997. *Al-Quran Sumber Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Hadis Riwayat Ahmad dan Bukhari dalam Al-Ādāb al-Mufrad dan al-Tabarani daripada Ibn Abbas, lihat al-Jami' al-Saghir, h. 160
- Hassan, J. (t.th). Pelaksanaan Dakwah Kepada orang Pekak di Terengganu.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani (t.t), Fath al-Bāri, j.1, al-Qahirah: Matba‘at al-Salāfiyah wa-Maktabatuhā, h.163
- Ismail, A. M., Marzuki, M., Daud, M. N., & Borhan, A. H. 2015. Penyediaan Kemudahan Orang Kurang Upaya (OKU) di Masjid-Masjid: Kajian Kes di Masjid-Masjid Daerah Batang Padang. *Al-Hikmah* 7(1) 2015: 6 2-78
- Kamus Dewan. 2005. *Edisi ke-4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katz, I., Hass, R.G. & Bailey, J. 1988. Attitudinal ambivalence and behavior towards people with disabilities. Dlm. H.E. Yucker, (pnyt.). *Attitudes Toward Persons with Disabilities*, hlm. 47-57. New Year: *Springer Publishing Company. Malaysia*. 2008. Akta Orang Kurang Upaya. (Akta 685)
- Konting, M. M. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mamat, N. E. 2006. “Seminar Kedua Isu dan Keperluan Warga Pekak Islam: Kupas Permasalahan Warga Pekak Islam”, MyDEAF, Edisi Khas, h. 9. Seminar ini berlangsung pada 20 Januari 2006 di Muzium Kesenian Islam dengan jumlah hadirin lebih 200 orang. Seminar ini dianjurkan atas kesedaran untuk mentarbiahkan penghayatan Islam kepada orang pekak dengan lebih efektif. Ia turut dirancang dianjurkan sebagai seminar tahunan khusus untuk meneliti keperluan warga pekak di Malaysia pada Islam.
- Md. Tah, I. H. 2014. Orang Kurang Upaya (OKU) dan Hak untuk Hidup: Satu Analisis Perundangan di Malaysia. *International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS)*: 1-9
- Merriam, S.B. 2001. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Pub.
- Rohani, I. 2010. Mengiktiraf Peranan OKU. Utusan Malaysia. Dicapai pada 20 Disember 2014
http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=1211&sec=Rencana&pg=re_02. Htm
- SUHAKAM. 21 Februari 2018. <http://www.suhakam.org.my/ms/areas-of-work/pendidikan/orang-kurang-upaya-oku/>

Syams al-Din Muhammad bin Abi al-Abbas Ahmad bin Hamzah Ibn Syihab al-Din al-Ramli (1967).

Toran, H., Muhamad, T. A., Mohd Yasin, M. H., Tahar, M.M., & Hamzah, N. H. 2010. Pengetahuan dan Sikap Rakan Sebaya Terhadap Pelajar Kurang Upaya Di Sebuah Ipta Di Malaysia. *AJTLHE* Vol. 2, No.2: 21-32